

PERNYATAAN MENGENAI HAK ASASI MANUSIA

BLUESCOPE KOMITED UNTUK MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA DI SEMUA NEGARA DI MANA KAMI BEROPERASI. KAMI PERCAYA BAHAWA SEMUA ORANG PERLU DILAYAN DENGAN RASA HORMAT DAN BERMARUAH, DAN KAMI BERUSAHA UNTUK MEMASTIKAN BAHAWA AKTIVITI-AKTIVITI PERNIAGAAN DAN AMALAN-AMALAN KAMI ADALAH SEJAJAR DENGAN PRINSIP PANDUAN PBB MENGENAI PERNIAGAAN DAN HAK ASASI MANUSIA.

Kami dipandu oleh 'Teras Kami', satu ekspresi bertulis tentang nilai dan prinsip kami yang juga mencerminkan kepentingan pelanggan, pembekal, kakitangan, pihak berkepentingan serta komuniti di mana kami beroperasi. Teras Kami membimbing tindakan dan keputusan yang kami buat serta menyokong kami dalam memilih untuk melakukan apa yang betul. Kami mempunyai Panduan untuk Perlakuan Perniagaan yang menggariskan perilaku yang diharapkan di pasaran dan kakitangan utama sentiasa dimaklumkan mengenai harapan tersebut.

Komitmen kami terhadap hak asasi manusia termasuklah komitmen berikut.

PEKERJA KAMI

- Kami percaya bahawa para pekerja hendaklah dilayan dengan adil dan tanpa diskriminasi. Semua pekerja di BlueScope mempunyai hak untuk memilih diwakili oleh persatuan pekerja dan bebas untuk melaksanakan hak tersebut.

TEMPAT KERJA KAMI

- Kami percaya bahawa kesamarataan peluang adalah faktor penting dalam tempat kerja yang saling hormat menghormati dan untuk itu kami secara aktif berusaha untuk mempertingkatkan kepelbagaian gender kami. Kami mempunyai komitmen mutlak untuk memastikan bahawa sifar di tempat kerja untuk pekerja kami dan bagi para pembekal, kontraktor serta pelanggan yang memilih untuk bekerjasama dengan kami.

Talian pemberi maklumat mudah diakses di laman web kami dan terbuka kepada semua pihak berkepentingan sekiranya kelakuan yang dipersoalkan diperhatikan atau disyaki. Kami mempunyai dasar dan proses untuk memastikan ketidakpuasan hati dapat ditangani secara sensitif dan tanpa rasa takut terhadap kesannya.

Pihak Lembaga, melalui Jawatankuasa Risiko dan Kemamanan, mengekalkan pengawasan terhadap semua isu kemamanan termasuk hak asasi manusia untuk memastikan harapan kami seperti yang ditakrifkan oleh nilai-nilai yang dinyatakan dalam Teras Kami dapat dilaksanakan di mana sahaja kami beroperasi.

MASYARAKAT KAMI

- Kami menghormati hak asasi masyarakat di mana kami beroperasi, dan kerap bertemu dengan masyarakat tempatan untuk memastikan hubungan kami kekal kukuh dan pandangan mereka kedengaran dengan jelas. Kami mengiktiraf hak-hak masyarakat Orang Asli dalam semua bidang kuasa di mana kami beroperasi.

PEMBEKAL KAMI

- Kami berusaha untuk melibatkan pembekal yang mendokong nilai-nilai yang serupa dengan yang dinyatakan dalam Teras Kami dan Pernyataan Hak Asasi Manusia ini. Kami menyokong penghapusan semua bentuk buruh paksa atau wajib dan penghapusan buruh kanak-kanak dan memerlukan pembekal kami untuk melakukan perkara yang sama.

MARK VASELLA

Pengarah Urusan & Ketua Pegawai

Eksekutif Februari 2018